

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHAMED APANDI BIN ALI
PEGUAM NEGARA MALAYSIA**

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN JALSOA SESI 2017/2018

TARIKH : 20 APRIL 2018 (JUMAAT)

MASA : 9.40 PAGI

**TEMPAT : DEWAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF
JABATAN PEGUAM NEGARA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmannirrahim.

Yang Berbahagia Datin Paduka Zauyah Be T. Loth Khan,
Pegum Cara Negara II;

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Musa,
Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan
Kehakiman dan Perundangan (JALSOA);

Ketua-Ketua Bahagian Jabatan Pegum Negara;

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri;

Yang Berusaha Pengarah Mahkamah-Mahkamah Negeri;

Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan ahli
JALSOA yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama mengatur syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala (SWT) kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi Jumaat yang mulia ini untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (JALSOA) sesi 2017/2018.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa Eksekutif JALSOA yang telah bertungkus-lumus untuk menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Sebagaimana kita semua sedia maklum, pada awal tahun ini, kita telah dikejutkan dengan pemergiaan dua orang sahabat

kita, iaitu Allahyarham Tuan Haji Zanol Rashid bin Hussain, Hakim Mahkamah Sesyen Sungai Petani pada 3 Februari 2018 dan Allahyarham Tuan Mohd Rehan bin Mohd Aris, Timbalan Pendakwa Raya, Selangor pada tanggal 11 Mac 2018 yang lalu. Justeru, marilah kita sama-sama menyedekahkan bacaan ummul kitab Al-Fatihah kepada kedua-dua Allahyarham. Al-Fatihah.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Sesungguhnya, JALSOA merupakan salah satu platform yang bukan sahaja dapat memupuk jalinan mesra dan kerjasama yang erat dalam kalangan pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan, malah ia turut menjadi medan pertemuan antara pegawai-pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan dengan bekas pegawai perkhidmatan ini yang telah dilantik ke dalam badan kehakiman ataupun yang beramal sebagai peguambela dan peguamcara.

5. Dalam hal ini juga, menurut pemerhatian saya, Alhamdulillah, hubungan antara badan kehakiman dan AGC saban hari adalah semakin erat. Oleh sebab JALSOA merupakan suatu badan yang merangkumi kesemua pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan, saya berharap agar hubungan baik yang telah dipupuk ini dapat diteruskan.

6. Saya amat teruja apabila dimaklumkan bahawa aktiviti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Eksekutif JALSOA seperti Majlis Makan Malam pada tahun lalu telah berjaya diadakan dengan begitu meriah sekali dengan menyaksikan penglibatan ramai ahli JALSOA termasuklah dalam kalangan para hakim dan peguam. *It was a real success.*

7. Walaupun masing-masing sibuk dengan tugas hakiki, aktiviti-aktiviti JALSOA seperti kejohanan sukan JALSOA, Majlis Makan Malam Tahunan JALSOA serta kejohanan boling dilihat berupaya mengumpulkan pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan dari seluruh pelusuk negara.

8. Sehubungan itu, saya amat berharap agar aktiviti JALSOA bukan sahaja dapat diadakan di Putrajaya atau di sekitar Lembah Klang, bahkan turut diadakan di peringkat zon dan negeri. Hal ini secara tidak langsung dapat merapatkan ukhuwah dalam kalangan ahli JALSOA di peringkat zon atau negeri masing-masing.

9. Selain itu, penubuhan Tabung Kebajikan serta pewujudan Akaun Amanah JALSOA oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif JALSOA bagi mengumpul dana untuk membantu meringankan beban ahli dan waris ahli JALSOA yang ditimpa bencana wajar diberi pujian. Saya difahamkan bahawa setiap kali tabung derma dilancarkan oleh pihak JALSOA untuk membantu pegawai atau waris yang ditimpa bencana, kutipan sumbangan yang diberikan oleh ahli JALSOA adalah sangat menggalakkan.

10. Benar, tiada nilai yang dapat mengisi kekosongan yang telah ditinggalkan oleh mereka yang telah pergi. Namun, kesudian tuan-tuan dan puan-puan untuk memberi sumbangan itu menggambarkan semangat kekitaan, setiakawan dan keprihatinan yang tinggi dalam kalangan ahli JALSOA yang diharap sedikit sebanyak dapat memberi kekuatan kepada para waris yang ditinggalkan untuk meneruskan kehidupan mereka. Saya mendoakan agar segala sokongan dan sumbangan yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan ini diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah dan dibalas dengan sebaik-baik ganjaran, Insya-Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

11. Sebagaimana kita semua sedia maklum, profesion perundangan merupakan suatu profesion yang sungguh mencabar. Ia menuntut bukan sahaja kesihatan fizikal malah turut memerlukan ketahanan mental yang kuat untuk kita menghadapi urusan kerja seharian. Oleh sebab itu, kesihatan

diri perlulah sentiasa menjadi keutamaan kita terutamanya pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan ini.

12. Justeru, di samping menjaga pemakanan dan beriadah, saya turut menyarankan supaya tuan-tuan dan puan-puan untuk membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala. Bagi pegawai yang berumur 40 tahun ke atas, saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan untuk menggunakan kemudahan pemeriksaan kesihatan yang diberikan oleh Kerajaan secara percuma sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003.

13. Aktiviti riadah bukanlah terhad kepada sukan semata-mata. Seperti saya sendiri, saya akan meluangkan masa untuk berkebun pada setiap hujung minggu. *This is the activity that I would like to encourage all of you to participate.*

14. Saya sendiri telah mendirikan kebun pada sebidang tanah yang berlereng yang memerlukan saya untuk menaiki dan meneruni bukit. Ini juga merupakan salah satu bentuk riadah. Apabila saya berkebun, saya juga dapat menghirup udara segar di samping dapat menikmati keindahan alam semulajadi. Sesungguhnya, ini merupakan salah satu cara untuk “destress” daripada tekanan di tempat kerja.

15. Selain daripada berkebun, saya juga menjaga pemakanan. Seperti sunnah Nabi, saya mengamalkan makan buah-buahan segar, khususnya sebelum menikmati juadah utama. Terlalu panjang pastinya jika saya ingin berkongsi tips-tips kesihatan yang boleh diamalkan. InsyaAllah sekiranya ada kesempatan lain, saya akan meluangkan masa untuk berkongsi tips-tips tersebut dengan tuan-tuan dan puan-puan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

16. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif JALSOA sesi 2016-2018 di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Musa atas kesungguhan dan dedikasi dalam merencana dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program JALSOA dalam tempoh dua tahun ini.

17. Selain itu, seperti yang telah dihasratkan oleh Presiden JALSOA, saya dengan ini ingin meluluskan pertamanya, premis yang telah dikenalpasti oleh pihak JALSOA boleh digunakan pada bila-bila masa oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif JALSOA sesi 2018 – 2020 dan keduanya, saya ingin mengecualikan sebarang pengenaan sewaan kepada premis tersebut.

18. Saya difahamkan mengikut Perlembagaan JALSOA, tidak ada halangan sekiranya Ahli Jawatankuasa yang sama dipilih. Jadi, besar harapan saya agar Ahli Jawatankuasa Eksekutif JALSOA sesi 2018 – 2020 yang akan dilantik atau dilantik

semula sebentar lagi akan dapat meneruskan kecemerlangan ini dan terus menyumbang usaha dalam menjadikan JALSOA sebagai suatu platform yang menyatupadukan pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

Hadirin yang dihormati dan dikasihi sekalian,

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan dapat berdaftar sebagai ahli seumur hidup JALSOA bagi menandakan sokongan tuan-tuan dan puan-puan yang tidak berbelah bahagi kepada JALSOA. Saya juga berharap agar semua ahli JALSOA terus menyokong aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi sesi 2018-2020 yang bakal dilantik sebentar nanti.

20. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan JALSOA sesi 2017/2018.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.